

17/11/1997

Kedaulatan negara tidak boleh dicabuli

CHUKAI, Ahad - Ahli kongres Amerika Syarikat tidak berhak mencabuli undang-undang negara ini tambahan mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Ahmad Said, berkata Malaysia juga tidak pernah mencampuri undang-undang negara itu, termasuk kes jenayah yang membabitkan rakyat negara ini.

Katanya, Pemuda Umno negeri yakin Amerika Syarikat akan menimbulkan pelbagai isu untuk menggugat kestabilan ekonomi dan politik negara di Asia, termasuk Malaysia.

"Pemuda Umno negeri tetap berdiri teguh dan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri menangani masalah yang sengaja ditimbulkan Ahli Kongres Amerika Syarikat itu serta kejatuhan nilai ringgit," katanya kepada Berita Harian selepas merasmikan dan menyampaikan hadiah sempena kempen keselamatan jalan raya antara sekolah menengah dan rendah peringkat negeri, di sini, semalam.

Mengulas keputusan Amerika Syarikat untuk menghantar pegawai menyiasat mengenai pelaburan Petronas di Iran, Ahmad yang juga Ahli Exco negeri berkata, negara itu tidak berhak mencampuri urusan pelaburan negara ini kerana Malaysia tidak menghalang syarikat negara itu melabur di rantau ini.

(END)